

BEAGENTA EYE/EAR DROPS®

Gentamicin (0.3% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Beagenta
2. Bagaimana Beagenta berfungsi
3. Sebelum menggunakan Beagenta
4. Cara menggunakan Beagenta
5. Semasa menggunakan Beagenta
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Beagenta
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Beagenta
Beagenta digunakan untuk merawat jangkitan bakteria pada mata dan telinga.

Doktor anda mungkin mempreskripsikan Beagenta untuk tujuan lain. Tanya doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang soalan tentang sebab Beagenta dipreskripsikan kepada anda.

Bagaimana Beagenta berfungsi

Beagenta mengandungi bahan aktif yang dinamakan gentamicin. Gentamicin merupakan antibiotik dan membantu menghapuskan jangkitan.

Sebelum menggunakan Beagenta

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Beagenta jika anda alah kepada gentamicin, *aminoglycosides* atau sebarang kandungan lain yang disenaraikan pada bahagian akhir risalah ini.

Jangan menggunakan Beagenta jika gegendang telinga anda berlubang.

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput pada pek ini.

Jika anda mengambil ubat ini selepas tarikh luputnya, ia tidak akan berfungsi dengan baik.

Jangan menggunakan Beagenta jika bungkusan koyak atau terdapat tanda dibuka.

- Sebelum menggunakan Beagenta

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan atau pengawet.

Beritahu doktor anda jika anda mengandung atau menyusukan bayi. Keselamatan penggunaan Beagenta semasa kehamilan dan penyusuan bayi belum pernah dibuktikan.

Tiada maklumat berkaitan yang sedia ada untuk penggunaan di kalangan kanak-kanak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda menggunakan Beagenta.

Cara menggunakan Beagenta

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada informasi yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek, tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk bantuan.

- Berapa banyak harus digunakan

Mata:

Titis 1 titik ubat ke dalam mata setiap 4 jam untuk jangkitan yang ringan hingga sederhana.

Titis 1 titik ubat ke dalam mata setiap jam untuk jangkitan yang serius.

Telinga:

Titis 3 atau 4 titik ke dalam saluran telinga 3 kali sehari, kurangkan dos jika inflamasi reda.

- Bila perlu digunakan

Guna ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Beagenta seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Jika tidak bertambah baik selepas 5 hari atau kerengsaan atau terdapat hipersensitif, hentikan penggunaan.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang terlupa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih menggunakan Beagenta, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan Beagenta

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Beagenta.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang menggunakan Beagenta.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menggunakan Beagenta untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

Jangan memakai kanta sentuh semasa dan untuk satu tempoh selepas penggunaan ubat ini.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Beagenta mempengaruhi anda.

Beagenta mungkin menyebabkan penglihatan menjadi kabur untuk sementara waktu. Jika ini berlaku, jangan memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda kembali normal.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Jangan khuatir dengan senarai ini. Anda mungkin tidak

mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Kadang kala, Beagenta mungkin menyebabkan mata atau telinga pedih atau rasa terbakar.

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.moh.gov.my [Consumers → Reporting → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Beagenta

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknyanya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Simpan ubat anda di tempat kering pada suhu bawah 30°C. Lindungi daripada haba dan cahaya matahari.

Jangan guna selepas ubat ini dibuka selama satu bulan.

Jangan simpan Beagenta atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jangan tinggalkan ubat di atas unjuran tapak tingkap atau dalam kereta.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

- Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anda berhenti menggunakan Beagenta atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Beagenta eye/ear drops merupakan cecair jernih ke kekuningan, tertimbal, steril.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:
Setiap 1ml Beagenta mengandungi 0.3%w/v gentamicin.

- Bahan tidak aktif:

- Boric acid
- Borax
- Benzalkonium chloride solution 50%
- Water for injection

- Nombor MAL

MAL11030096AZ

Pengilang

Duopharma (M) Sdn Bhd
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,
41200 Klang, Selangor Darul
Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Duopharma (M) Sdn. Bhd.
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,
41200 Klang, Selangor Darul
Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

10/05/2021

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)210519/00132